

20 SEP 2002

Mahathir-ASEM/I

DR MAHATHIR KETUAI DELEGASI KE MESYUARAT ASIA-EROPAH DI COPENHAGEN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Asia-Eropah ke 4 (ASEM IV) di Copenhagen, Denmark yang berlangsung dari 22-24 Sept.

"Antara mereka dalam delegasi Malaysia itu ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan pegawai-pegawainya, serta para pegawai Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri," kata Wisma Putra dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

ASEAM I diadakan di Bangkok pada 1996, ASEM II di London pada 1998 dan ASEM III di Seoul pada 2000. Anggota-anggota ASEM dari Asia ialah Brunei, China, Indonesia, Jepun, Malaysia, Filipina, Republik Korea, Singapura, Vietnam dan Thailand.

Rakan-rakan mereka dari Eropah ialah Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greek, Ireland, Itali, Luxembourg, Belanda, Portugal, Sepanyol, Sweden, United Kingdom dan Suruhanjaya Eropah.

Semasa mesyuarat itu, para pemimpin kedua-dua benua dijangka membincangkan isu-isu keselamatan antarabangsa selepas tragedi 11 Sept pada tahun lepas, keganasan antarabangsa dan jenayah merentasi sempadan.

Mesyuarat itu juga akan membincangkan langkah-langkah untuk memulihkan ekonomi dunia melalui kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan dengan melaksanakan objektif-objektif tegas dalam menggalakkan perdagangan, menurut kenyataan itu lagi.

"Sidang kemuncak itu akan menumpukan perbincangannya pada kerjasama dalam bidang pendidikan, pembangunan sumber manusia, kepaduan sosial jangka panjang dan kerjasama alam sekitar," menurut kenyataan itu lagi.

Wisma Putra juga berkata semasa mesyuarat itu, para pemimpin juga akan menghadiri majlis makan tengah hari membincangkan budaya-budaya dan peradaban untuk memberikan mereka peluang saling memahami budaya dan tamadun di kedua-dua rantau itu.

Mesyuarat itu juga dijangka membincangkan isu-isu membabitkan Semenanjung Korea, Asean campur tiga dan usaha memperluaskan Kesatuan Eropah.

Perdana Menteri juga dijangka mengadakan rundingan dua hala bersama rakan-rakan ASEM.

-- BERNAMA

AT AHH PR